

05 DEC 1997

Anwar-Jambatan

KERAJAAN TUNDA PROJEK JAMBATAN DARAT

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Kerajaan telah menunda projek pembinaan jambatan darat berharga RM10 bilion yang menghubungkan utara semenanjung Malaysia dan selatan Thailand tetapi projek saluran paip gas berharga RM1.8 bilion, yang merupakan sebahagian daripada pakej itu, akan diteruskan mengikut jadual.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata projek jambatan darat itu akan diteruskan tetapi jangka masanya belum ditetapkan berikutan pergolakan ekonomi dan kewangan yang dihadapi Malaysia dan Thailand.

Anwar, yang juga menteri kewangan, menjelaskan laporan akhbar hari ini yang memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata bahawa projek itu yang melalui jalan darat, jalan keretapi dan saluran paip, akan diteruskan.

"Saya telah membincangkan perkara itu dengan Dr Mahathir dan beliau (Dr Mahathir) berkata beliau tidak berkata bila projek itu akan dimulakan," katanya.

"Projek saluran paip gas akan bermula dari kawasan pembangunan bersama pihak berkuasa ke selatan Songkhla, di mana 50 peratus gas akan disalurkan ke Bangkok, 50 peratus lagi ke bawah ke selatan Thailand sehingga ke Bukit Kayu Hitam," katanya kepada pemberita ketika mengumumkan langkah-langkah utama yang dijangka meningkatkan keyakinan dan kredibiliti ekonomi negara.

Semasa satu sesi dialog dengan para peserta Persidangan Maritim Antarabangsa Malaysia di Langkawi semalam, Dr Mahathir berkata kerajaan akan meneruskan projek pembinaan jambatan darat berharga RM10 bilion itu dalam usaha mengurangkan kesesakan di Selat Melaka walaupun menghadapi kemerosotan nilai ringgit.

Beliau berkata projek itu berdaya maju dan merupakan satu daripada projek yang "kita mahu laksanakan walaupun ia akan menelan belanja hampir RM10 bilion."

Anwar berkata terdapat beberapa pakej dalam projek jambatan darat dan pakej pertama membabitkan pemasangan saluran paip gas dari kawasan pembangunan bersama pihak berkuasa antara Malaysia dan Thailand.

Pemasangan saluran paip gas itu akan diteruskan kerana ia dianggap wajar dan tidak boleh dihentikan, berbeza dengan pakej lain dalam projek itu, termasuk pembinaan lebuh raya, katanya.

Beliau berkata Malaysia dan Thailand tidak dapat memulakan projek jambatan darat itu sekarang disebabkan pergolakan ekonomi yang dihadapi kedua-dua negara.

"Projek jambatan darat akan ditunda sehingga keadaan ekonomi mengizinkan," katanya. -- BERNAMA

ARA AKD